

# Penat lelah To Pa tidak dihargai' rakyat Jeli

Oleh LOKMAN OTHMAN

JIKA dilihat kepada **peperangan** poster dan **kelancaran** gerak gempur **Barisan Nasional (BN)** di **Parlimen Jeli**, ramai yang **membuat** kesimpulan, **Parlimen** itu akan **terus** dikuasai oleh **BN** pada pilihan **raya** kali ini.

Ia mencerminkan **kekuatan** **BN** di situ dan **perbandingan** yang dibuat **selama ini** - jika **ingin** melihat **kekuatan** gabungan itu di Kelantan, Jelilah tempatnya.

Jeli yang merupakan **ja-jahan** bongsu di Kelantan **pada** masa **dulunya** dianggap paling 'darat' di negeri itu tetapi sejak **Datuk Mustapa Mohamed** diangkat menjadi wakil rakyat di situ, rakyat telah menyaksikan pelbagai bentuk perubahan.

Dalam tempoh **empat** tahun, pelbagai bentuk **pembangunan** yang **pada** masa dulu agak mustahil **dilaksanakan** di kawasan itu **kini** menjadi kenyataan.

Sehingga **kini** pun pembangunan di Jeli bagaikan tidak dapat disekat-sekat sehinggakan kedai piuter sekali pun **ada** di pekan terpencil seperti Jeli dan ini diakui oleh **para** penyokong Pas sendiri di **Parlimen** tersebut.

Mereka pernah berkata, jika Pas nak kalahkan **BN** sekalipun, biarlah **wakil-wakil** rakyat yang lain tetapi jangan 'Tok Pa' (**panggilan** Mustapa di kalangan rakyat Kelantan).

## Bimbang

Menteri Besar, **Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat** pernah berkata, Kelantan tidak perlu bimbang mengenai pembiayaan pembangunan kerana negeri itu memiliki dua orang menteri **Pusat** (selain **Datuk Annuar Musa** yang **juga** tewas di **Parlimen** Peringat **pada** pilihan **raya** kali ini).

Melihat kepada **Tok Pa** bekerja, tidak hairanlah Jeli begitu pesat membangun ketika ini. Sebagai menteri kabinet yang memegang dua portfolio iaitu sebagai Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan, pergerakannya begitu ligat.

Penulis turut pernah berkongsi keletihannya apabila beberapa kali mendapati Mustapa letih sehingga **terlelap** di **atas** kerusi walaupun dalam masa yang **sama** dia benar-benar hendak menjawab **soalan-soalan** yang **di-**ajukan.

**Bagi** menggambarkan **kerajinannya**, **matanya** jarang kelihatan jernih bersinar melainkan merah, tetapi tenaganya tidak pernah susut malah semakin **pantas** bergerak.

Ini diakui oleh rakan-rakan setugas di Kuala Lumpur yang mengatakan Mustapa kerap kali kelihatan **kesuntukan** masa untuk bercakap dengan pemberita di sana kerana takut ketinggalan penerbangan pulang ke Jeli. Memang benar, Jeli sentiasa di hatinya.

Demikianlah letihnya Mustapa yang terpaksa **mem-**bahaaikan kehidupan sehariannya di antara Kelantan dan Kuala Lumpur. Baginya **berulang** alik sehingga tiga kali di antara kedua-dua tempat itu saban **hari** adalah **lumrah**.

**Bagi** masyarakat Jeli, Mustapa sebenarnya adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Jika berada di Jeli, setiap selepas **solat** subuh di surau atau masjid yang berlainan, Mustapa akan kelihatan **sarapan pagi** **bersama-sama** orang kampung di kedai-kedai kopi yang **juga** berlainan.

Ketika pilihan **raya kecil** di Pulau Chondong, Mustapa meneruskan sikap rajinnya. **Bagi** membantu jentera **parti**, dia **biasa** tidur pukul 3 pagi dan selepas subuh pula dia kelihatan bermotor 'kapcai' dan berkain pelekat ke sana **sini** memasuki kampung berkempen dan meninjau **peti** undi.

Di kalangan anggota kabinet yang lain, Mustapa **juga** dikenali kerana tidak pernah menimbulkan kontroversi peribadi. Jadi apakah dosanya sehingga dia ditolak oleh rakyat Kelantan dan Jeli khususnya?

Begitukah caranya rakyat Kelantan membalas **budi**. Apakah yang Pas telah sumbangkan untuk Jeli **sehing-**ga mereka begitu **terpikat** dengan **parti** bulan itu.

## Faedah

**Pada** pilihan **raya** kali ini, Mustapa meraih 14,830 undi berbanding **calon** Pas, Mohd. Apandi Mohamad, seorang peniaga yang sebelum ini menikmati **banyak** faedah pembangunan anjuran **BN** bernilai jutaan ringgit Malaysia mendapat 15,523 undi.

Malah **BN** **juga** tewas di **tangan** Pas di tiga kawasan **Dewan** Undangan Negeri di Jeli yang lain iaitu Kemahang, Pergau dan Air Lanas.

Kim timbul pelbagai persoalan di sebalik tumbangnya Mustapa di Jeli. **Apa** akan jadi dengan **bemacam-macam** projek yang sebelum ini menjadi tulang belakang pembangunan di Jeli dan Kelantan umumnya.

Antaranya projek Maktab **Rendah Sains Mara** bernilai RM25 juta, projek **pusat** pertumbuhan baru Jeli RM20 juta dan lain-lain projek seperti kompleks perniagaan **Bukit Bunga**, **Arked Mara**, projek **perpustakaan**, hospital mini, **pusat servis** EON dan lain-lain.

Ini tidak termasuk projek-projek **kecil** lain seperti pembinaan surau, Tabika, membaik pulih **bangunan-**bangunan, peruntukan ke sekolah-sekolah, projek **per-**tanian dan banyak lagi.

Bagaimana pula skim-skim di bawah Kementerian **Pembangunan** Usahawan yang selama ini banyak dinikmati oleh rakyat Kelantan seperti Tabung **Usahawan Kecil**, Tabung Ekonomi **Kumpulan** Usahawan (**Tekun**) dan pelbagai tabung lagi.

Begitupun, **bagi** penyokong Pas mereka memang tidak pernah bersyukur dengan **apa** yang telah dinikmati melainkan lebih taksub kepada bakal 'tok wakil' yang masih dipersoalkan kemampuan mereka membela **rak-**yat Jeli melainkan menjanjikan syurga.

Sehinggakan **pada** hari-hari terakhir waktu **pengun-**dian mereka ghairah memacakkan sepanduk-sepanduk berbunyi **Tolak Tok Pa, Tumbang Mahathir**.

Nasi sudah menjadi bubur, rakyat Jeli telah pun menolok Tok Pa. Suara-suara kehairanan **kini** telah berbunyi, apakah **lagi** yang orang Jeli mahu sehingga sanggup mengambil keputusan demikian.

Sehari dua selepas keputusan diumumkan, **percakap-**an di kedai-kedai kopi **kini** lain pula bunyinya. Mereka seolah-olah membalas sepanduk Pas tersebut - **Tolak Tok Pa Rebah Rakyat Jeli!**